

Headline	Hutan Simpan Bikam terancam		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	23 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	231,163
Page No	N4	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	366 cm ²
Journalist	Rosman Shamsudin	AdValue	RM 8,195
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,586



Hutan Simpan Bikam terancam

» Kerja pembersihan dilakukan untuk tanam kelapa sawit

Oleh Rosman Shamsudin
bhnews@mediaprima.com.my

► Bidor

Kawasan seluas 401.43 hektar di Hutan Simpan Bikam, kira-kira tiga kilometer dari Kampung Baru Kuala Bikam, dekat sini, dikhawatir terancam berikutnya ia dikatakan mula diterokai sebuah syarikat pembalakan.

Syarikat terbabit dipercayai melakukan pembersihan di kawasan itu sejak Oktober lalu bagi penanaman kelapa sawit selepas kawasan itu yang sebelum ini diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal dimansuhkan.

Pegawai Lapangan Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meor Razak Meor Abdul Rahman, berkata aktiviti itu boleh menyebabkan spesies tumbuhan-tumbuhan pupus selain mengganggu habitat hidupan liar.

Pokok hampir pupus
"Hasil kajian Institut Penyeli-



Beberapa individu yang dipercaya pengawal tidak membenarkan pihak SAM dan media memasuki kawasan Hutan Simpan Bikam di Bidor.

[FOTO ROSMAN SHAMSUDIN / BH]

Aktiviti penerokaan di kawasan itu membabitkan tiga blok"

Meor Razak Meor Abdul Rahman,
Pegawai Lapangan SAM

dikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang dibukukan dalam Senarai Tumbuh-Tumbuhan Diancam Kepupusan terbitan pertama 2010, beberapa jenis pokok yang hampir pupus di hutan simpan itu seperti keruing paya atau nama saintifiknya *dipterocarpus coriaceus*, merawan kelabu (*hopea aglaucescens*) dan mata kucing beludu (*hopea myrtifolia*).

"Pemerhatian kami mendapati aktiviti penerokaan di kawasan itu membabitkan tiga blok dan blok pertama dipercayai sudah selesai diterokai, manakala blok kedua dalam

proses pembersihan," katanya ketika ditemui di lokasi pemberian hutan itu, di sini, semalam.

Beliau turut membawa beberapa ahli SAM dan wakil Persatuan Aktivis Sahabat Alam serta media untuk meninjau lokasi berkenaan. Malah, ahli rombongan turut dihalang daripada memasuki kawasan pembalakan oleh beberapa lelaki dipercayai bertugas sebagai pengawal di tapak terbabit.

Razak berkata, pihaknya kecewa dengan aktiviti pembalakan terbabit dan tindakan pihak tertentu yang memansuhkan kawasan itu sebagai hutan simpanan kekal.

Buka ladang
"Keseluruhan hutan simpan

itu dikategorikan sebagai hutan jenis dipterokap pamah dan ia sudah terpisah daripada jajaran hutan utama kerana sudah diterokai bagi tujuan pembangunan serta perladangan," katanya.

Beliau berkata, pemansuhan keseluruhan hutan simpan adalah bercanggah dengan Dasar Perhutanan Negara 1978, Pindaan 1992 yang diterima pakai oleh semua pihak berkuasa negeri di Semenanjung.

"Tindakan itu juga bercanggah dengan Rancangan Tempatan Batang Padang 2020 yang mengkalkan guna tanah hutan simpan sebagai hutan simpanan kekal, selain menyalahi misi serta salah satu objektif dan strategi Korporat Jabatan Perhutanan di negeri ini," katanya.